



## KENYATAAN AKHBAR

**28 Mac 2019**

### **PNB KEKAL PRESTASI TAHUN KEWANGAN 2018 DI SEBALIK PASARAN MENCABAR**

- PNB mengekalkan prestasinya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (TK2018) di sebalik tahun yang mencabar dengan pertumbuhan sederhana serta pasaran global dan domestik yang terjejas.
- Jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB meningkat sebanyak 6.9% kepada RM298.5 bilion pada TK2018, dari RM 279.2 bilion pada tahun sebelumnya. Ini didorong oleh pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.9% bagi Unit Dalam Edaran (UIC), peningkatan daripada 219.3 bilion pada tahun 2017 kepada 236.6 bilion pada TK2018, daripada 13.8 juta akaun yang dilaburkan dalam 14 dana unit amanahnya.
- Pendapatan Bersih proforma PNB dan unit amanahnya yang digabungkan kekal stabil pada RM17.0 bilion, menyumbang kepada jumlah pengagihan pendapatan dan bonus sebanyak RM15.0 bilion untuk semua dana pada TK2018.
- Dua dana harga tetap ASNB iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) masing-masing mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit dan 5.50 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019, dengan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM610.7 juta bagi ASB 2 dan RM1.1 bilion bagi ASM.
- PNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3 (dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Gemilang-Kesihatan), ASN Imbang 2 (dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Gemilang-Pendidikan) dan ASN Sara 1 (dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Gemilang-Persaraan) iaitu masing-masing sebanyak 4.10 sen seunit, 4.20 sen seunit dan 5.00 sen seunit. Jumlah pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga dana ini adalah sebanyak RM236.1 juta.

**Kuala Lumpur, 28 Mac 2019:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan prestasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (TK2018) dan juga tinjauan prestasi suku pertama tahun 2019. PNB juga turut mengisyiharkan pengagihan pendapatan bagi lima dana yang diurus oleh syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) di bawah kategori Dana Harga Tetap, serta ASN Equity 3 (dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Gemilang-Kesihatan), ASN Imbang 2 (dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Gemilang-Pendidikan) dan ASN Sara 1 (dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Gemilang-Persaraan) di bawah kategori Dana Harga Berubah.

## **TINJAUAN PRESTASI TK2018**

Persekitaran ekonomi yang mencabar pada tahun 2018 dengan kadar pertumbuhan yang sederhana serta pasaran kewangan yang tidak menentu dalam persekitaran ekonomi dan kewangan di peringkat global dan juga domestik telah mempengaruhi prestasi syarikat-syarikat korporat di Malaysia, termasuk PNB. Walau bagaimanapun, jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB masih meningkat sebanyak 6.9% kepada RM298.5 bilion, dari RM279.2 bilion pada tahun sebelumnya. Dana unit amanah turut mencatatkan peningkatan UIC sebanyak 7.9% daripada 219.3 bilion kepada 236.6 bilion pada TK2018, daripada 13.8 juta akaun merangkumi kesemua 14 dana.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran ekonomi dijangka kekal tidak menentu bagi tahun 2019. Sebagai penjaga kepada kekayaan hak milik jutaan rakyat Malaysia, kami akan melakukan yang terbaik dalam menempuh waktu yang tidak menentu ini bagi memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit amanah saham kami.”

“Di samping memberikan tumpuan dalam mewujudkan nilai kepada pemegang unit kami, para pelabur juga perlu lebih memahami risiko pasaran kewangan. Pengagihan pendapatan kami bergantung kepada prestasi pelaburan kami, yang turut dipengaruhi oleh iklim pelaburan di mana kami beroperasi. Walau bagaimanapun, kami akan berusaha untuk mengatasi pasaran melalui proses pelaburan yang mantap serta kriteria pelaburan yang ketat,” jelas Tan Sri Zeti dengan lebih lanjut.

## **KEUTAMAAN BAGI TAHUN 2019**

Bagi pengemaskinian Rancangan Strategik 2017-2022, PNB melaporkan bahawa ia akan melaksanakan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Strategiknya yang tertumpu kepada bidang Peruntukan Aset Strategik dan Pengurusan Kecairan Optimum, Pengurusan Risiko Organisasi dan Transformasi Organisasi. Kajian Semula ini penting bagi PNB untuk terus mempertingkatkan potensinya dalam terus memberikan pulangan yang mampan untuk tempoh jangka panjang.

PNB juga akan mempercepatkan rancangan untuk mempelbagaikan portfolio pelaburannya kepada aset-aset yang memberikan hasil lebih tinggi melalui Pelan Penciptaan Nilai untuk syarikat-syarikat Strategik dan syarikat-syarikat Terasnya.

Pemegang unit akan terus menjadi keutamaan PNB. Selari dengan ini, lebih banyak perkhidmatan digital baharu akan disediakan kepada pemegang unit di samping usaha berterusan dalam meningkatkan kadar literasi kewangan demi mendidik pemegang unit berkenaan risiko dan pulangan pelaburan bagi dana-dana amanah saham yang ditawarkan oleh PNB.

### **PENGAGIHAN PENDAPATAN DANA UNIT AMANAH SAHAM ASNB**

Pada sidang media hari ini, PNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dua dana Harga Tetap iaitu ASB 2 dan ASM, serta tiga dana Harga Berubah iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1, yang dahulu dikenali sebagai dana payung Amanah Saham Gemilang (ASG) yang merangkumi ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan sebelum penjenamaan semula dilaksanakan tahun lepas.

ASB 2 dan ASM masing-masing mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit dan 5.50 sen seunit, dengan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM610.7 juta untuk ASB 2 dan RM1.1 bilion untuk ASM. PNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.10 sen bagi ASN Equity 3, 4.20 sen bagi ASN Imbang 2 dan 5.00 sen bagi ASN Sara 1, dengan jumlah pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga dana sebanyak RM236.1 juta. PNB mengagihkan dividen sebanyak RM15.0 bilion pada tahun 2018, iaitu jumlah terbesar yang pernah diagihkan sejak penubuhan PNB. Ini menjadikan dividen kumulatif berjumlah RM187.0 bilion sejak PNB ditubuhkan.

#### **Dana Harga Tetap ASNB**

##### **Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)**

Pengagihan pendapatan bagi pemegang unit ASB 2 adalah 6.00 sen seunit. ASB 2 akan mengagihkan sebanyak RM610.7 juta kepada 404,706 pemegang unitnya yang memiliki sebanyak 10.4 bilion unit. Setakat 28 Februari 2019, ASB 2 merekodkan pendapatan bersih direalisasi berjumlah RM0.5 bilion.

##### **Amanah Saham Malaysia (ASM)**

Sementara itu, pemegang unit ASM akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 5.50 sen seunit, dengan jumlah pengagihan sebanyak RM1.1 bilion kepada 541,758 pemegang unit merangkumi 19.5 bilion unit. Setakat 28 Februari 2019, ASM merekodkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM0.8 bilion.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana. Pengagihan yang diisyiharkan oleh ASB 2 dan ASM akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam setiap akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik kepada akaun pemegang unit pada 1 April 2019.

#### Dana Harga Berubah ASNB

Tiga dana Harga Berubah - ASN Equity 3 (dahulu dikenali sebagai ASG-Kesihatan), ASN Imbang 2 (dahulu dikenali sebagai ASG-Pendidikan) dan ASN Sara 1 (dahulu dikenali sebagai ASG-Persaraan) – masing-masing mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.10 sen seunit, 4.20 sen seunit dan 5.00 sen seunit. Jumlah pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga dana yang berjumlah RM236.1 juta akan memberi manfaat kepada 220,188 pemegang unit.

#### ASN Equity 3

Pengagihan pendapatan sebanyak 4.10 sen seunit yang diumumkan bagi ASN Equity 3 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019, mewakili hasil pengagihan sebanyak 4.45% setakat 27 Mac 2019. Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM103.7 juta akan memberi manfaat kepada 89,664 pemegang unit dengan 2.5 bilion unit yang dilanggan. Setakat 28 Februari 2019, ASN Equity 3 mencatat pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM41.6 juta.

#### ASN Imbang 2

Sementara itu, bagi ASN Imbang 2, pengagihan pendapatan sebanyak 4.20 sen seunit mewakili hasil pengagihan sebanyak 4.59% setakat 27 Mac 2019. Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM54.4 juta akan memberi manfaat kepada 78,965 pemegang unit dengan 1.3 bilion unit yang dilanggan. Setakat 28 Februari 2019, ASN Imbang 2 telah mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM49.4 juta.

#### ASN Sara 1

Bagi ASN Sara 1, pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit adalah bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 4.57% setakat 27 Mac 2019. Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM78.0 juta akan memberi manfaat kepada 51,559 pemegang unit dengan 1.6 bilion unit yang dilanggan. Setakat 28 Februari 2019, ASN Sara 1 mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM57.7 juta.

Semua maklumat UIC, bilangan pemegang unit dan anggaran jumlah pengagihan pendapatan adalah setakat 28 Februari 2019.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 adalah berdasarkan baki yang dipegang pada akhir tahun kewangan setiap dana. Pengagihan yang diisyiharkan oleh dana harga berubah tersebut akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam setiap akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2019.

Semua urus niaga bagi ASB 2, ASM, ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 di semua cawangan akan ditangguhkan buat sementara waktu dari 26 hingga 31 Mac 2019 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019. Urus niaga akan beroperasi semula pada 1 April 2019. Pemegang unit juga dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat peribadi serta alamat e-mel mereka melalui ejen atau cawangan ASNB untuk melakukan urus niaga dalam talian.

-Tamat-

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM298 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. Dengan pelancaran dua dana unit amanah harga berubah yang baharu pada September 2018, ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan lebih 236 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 13.8 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**